

20 JUN 1997

Koh

P.PINANG HARAP KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAR PENDAPAT MENGENAI L/TERBANG

PULAU PINANG, 20 Jun (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan mesti mendengar pendapat kerajaan negeri Pulau Pinang mengenai tapak lapangan terbang antarabangsa ketiga bagi wilayah utara sebelum membuat keputusan muktamad mengenainya.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, hari ini berkata kerajaan negeri masih mahu mengemukakan pendapatnya mengenai pemilihan tapak bagi lapangan terbang baru itu.

"Kami (kerajaan negeri Pulau Pinang) sangat bimbang mengenai kesan kemungkinan terhadap ekonomi dan alam sekitar di Pulau Pinang jika lapangan terbang baru itu dibina di Kedah," katanya kepada pemberita di sini.

Khamis lepas, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid mengumumkan bahawa lapangan terbang antarabangsa kedua di Kedah akan dibina di atas pulau buatan manusia berdekatan pantai Kuala Muda, selepas beliau menerima satu faksimili daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meluluskan projek itu.

Dua lagi lapangan terbang antarabangsa di wilayah utara ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

Koh berkata kerajaan negeri percaya bahawa tapak bagi lapangan terbang baru itu perlu mempunyai kos faedah dan kos efektif untuk sektor perdagangan dan pengeluaran di negeri, wilayah dan negara.

Beliau berkata kerajaan negeri Pulau Pinang akan mengemukakan pendapatnya selepas mereka menerima cadangan dan kajian kemungkinan daripada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan laporan Kesan Penilaian Alam Sekitar projek itu.

Ketua Menteri berkata Pulau Pinang telah melobi sejak 1991 supaya projek itu dibina dalam kawasan Seberang Perai, dengan sokongan daripada kerajaan-kerajaan negeri Kedah dan Perak.

Bagaimanapun, pada 1994, kedua-dua kerajaan negeri itu mula melobi supaya lapangan terbang baru itu dibina di negeri masing-masing tetapi pada 1995, isu itu dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan memandangkan mereka tidak dapat memutuskan tapak sebenar bagi projek itu.

Koh berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas juga harus segera diperbesarkan untuk menampung jumlah kargo dan penumpang yang semakin meningkat.

Koh berkata Kompleks Kargo MAB perlu segera dibina kerana Kompleks Kargo MAS, dengan kapasiti sebanyak 7,000 tan metrik, tidak lagi mampu menampung permintaan.

Pada 1996, kompleks itu mengendalikan 96,000 tan metrik kargo dan ia dimatlamatkan supaya meningkat sebanyak 30 peratus setiap tahun, katanya dan menambah beliau percaya MAB dalam proses menawarkan tender untuk projek itu.

"Sektor pengeluaran (di Pulau Pinang) sedang melalui ekonomi yang aktif bagi tempoh empat atau lima bulan awal tahun ini," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata kapasiti pengendalian penumpang juga perlu dipertingkatkan kerana jumlah penumpang semasa waktu puncak melebihi kapasitinya.

Beliau mencadangkan supaya bahagian ketibaan dan berlepas bagi penumpang diasingkan di lapangan terbang itu. -- BERNAMA

AHM NAK